

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATIN MASTURA BINTI MOHD YAZID
[KUALA KANGSAR]

TARIKH : 7 OKTOBER 2019 (ISNIN)

SOALAN

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan apakah signifikan tindakan Kementerian untuk memfailkan aduan kepada Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) ekoran daripada pendirian Kesatuan Eropah (EU) untuk mengharamkan penggunaan bahan api berdasarkan sawit di benua itu.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, *Delegated Regulation* iaitu peraturan pelengkap di bawah *European Union Renewable Energy Directive II* (EU RED II) telah diterima dan diperaku serta diterbitkan dalam jurnal rasmi oleh pihak EU pada 21 Mei 2019. Akta atau peraturan ini adalah satu akta yang menerangkan antara lain mengenai kriteria atau metodologi bagi menentukan sama ada sumber dalam pengeluaran biobahan api menyebabkan kadar *indirect land use change* (ILUC) yang tinggi atau rendah dan kesannya kepada pelepasan gas rumah hijau.

Dalam hal ini, berdasarkan kepada *Delegated Regulation* tersebut, minyak sawit telah dikategorikan sebagai mempunyai kadar ILUC yang tinggi. Oleh itu, bermula pada Julai 2021, jumlah eksport minyak sawit negara akan dihadkan pada tahap dan nilai penggunaan bagi tahun 2019. Dan seterusnya akan dikeluarkan sepenuhnya daripada sumber biobahan api di EU bermula pada tahun 2030 sekiranya masih dikategorikan sebagai mempunyai kadar ILUC yang tinggi selepas

semakan semula pada tahun 2021.

Berdasarkan analisis, *Delegated Regulation* di bawah EU RED II dilihat mempunyai kekurangan dari segi ketelusan, kredibiliti saintifik dan terdapat banyak andaian yang dibuat memberikan gambaran yang tidak tepat terhadap amalan kemampanan yang dipraktikkan dalam industri sawit negara. Selain itu, ia juga dilihat berat sebelah apabila hanya minyak sawit dikategorikan sebagai mempunyai kadar risiko ILUC yang tinggi dalam kalangan minyak yang lain bagi sumber kepada bio bahan api. Tindakan ini telah mewujudkan sekatan yang tidak sewajarnya ke atas usaha kemampanan yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Malaysia serta seterusnya menyekat amalan perdagangan bebas.

Mengambil kira kepentingan industri sawit kepada negara termasuk pembangunan sosio-ekonomi lebih 3 juta rakyat Malaysia yang terlibat dengan industri sawit, Kerajaan berpandangan adalah wajar untuk Malaysia mengambil tindakan yang lebih tegas terhadap EU yang dilihat mendiskriminasi negara pengeluar minyak sawit.

Berdasarkan kepada semakan dan penilaian awal, polisi yang dinyatakan dalam *Delegated Regulation* di bawah EU RED II tersebut didapati telah melanggar prinsip-prinsip Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) di bawah *General Agreement on Tariff and Trade (GATT)* 1994 dan *Agreement on Technical Barriers to Trade (TBT)*. Dalam hal ini, Malaysia dilihat mempunyai asas untuk mencabar EU melalui badan penyelesaian pertikaian (*Dispute Settlement Body*) di bawah WTO.

Dalam hal ini, Kementerian kini sedang bekerjasama dengan Jabatan Peguam Negara, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan Kementerian Luar Negeri untuk meneliti perkara tersebut dan seterusnya menyediakan kertas perundangan sewajarnya. Kementerian sememangnya sudah bersedia dan mempunyai beberapa strategi lain serta memastikan langkah di atas terlaksana dengan sewajarnya.

Sekian, terima kasih.